

31 MAY 2001

Mohamed-BN (Bergambar)

PM SAMPAIKAN "AMANAT PENTING" PADA KONVENSYEN BN, KATA TOK MAT

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan "amanat penting" pada konvensyen sehari Barisan Nasional (BN) pada 7 Julai ini, kata Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat hari ini.

Beliau berkata lebih 3,000 pemimpin dan anggota daripada 13 parti komponen BN akan menghadiri konvensyen itu, termasuk ahli parlimen, ahli dewan undangan negeri, senator serta ahli majlis perbandaran dan daerah.

"Mungkin jadi sejarah kerana Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat ucapan kepada semua wakil rakyat, senator, ahli majlis perbandaran dan daerah kerana ia belum pernah diadakan sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Setiausaha Kerja BN di ibu pejabat BN di sini.

Beliau berkata amanat Pengerusi BN itu penting memandangkan sebelum ini Dewan Tertinggi BN memutuskan supaya BN diperkukuhkan dan bukan hanya bekerjasama semasa pilihan raya sahaja.

"Kita tidak mahu dilihat ada perpecahan dalam pendekatan kita kerana ini akan menjejaskan persepsi rakyat terhadap BN," katanya.

Mohamed juga berkata konvensyen yang bertemakan "BN Tunggak Keutuhan Negara" itu turut membincangkan kedudukan terkini BN serta mencari pendekatan dan cara baru dalam mencapai matlamat yang digariskan.

"Kita mahu semua jentera BN di peringkat negeri dan parlimen digerakkan dengan cergas," katanya sambil menjelaskan bahawa ia merupakan antara arahan baru yang akan dikeluarkan semasa konvensyen itu nanti.

Beliau berkata pada masa ini hanya BN Kedah serta Sabah yang kerap mengadakan mesyuarat bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit di kawasan mereka.

"Kita akan mencadangkan mesyuarat BN di peringkat parlimen dan negeri mengadakan mesyuarat seberapa kerap bagi menggalakkan persefahaman di kalangan ahli BN peringkat akar umbi," katanya.

Selain itu, Mohamed juga berkata semasa konvensyen itu, Perdana Menteri akan melancarkan buku serta video mengenai BN.

"Ini disebabkan terdapat banyak pertanyaan daripada parti politik luar negeri yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai BN," katanya.

BN dianggotai oleh Umno, MCA, MIC, Gerakan, PPP, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Pertubuhan Pasokl Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

BN sebelum ini mempunyai 14 parti komponen tetapi angka itu dikurangkan kepada 13 selepas Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar) dibubarkan baru-baru ini.

-- BERNAMA

AT ES AKD